

Pekerja MRT maut tersepit

Mangsa alami kecederaan dalaman meninggal dunia 15 minit selepas diselamatkan

HIDAYAH HAIROM

KUALALUMPUR - Seorang pekerja projek MY Rapid Transit (MRT) maut akibat tersepit ketika menjalankan kerja projek di landasan berhampiran Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Muhibah, Jalan Puchong, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira 12 tengah hari itu, mangsa, Mohd Hanafi Abdullah, 23, berasal dari Kedah meninggal dunia akibat mengalami kecederaan dalaman selepas tersepit di landasan MRT bagi laluan Sri Petaling ke Shah Alam.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Kuala Lumpur, Azizan Ismail berkata, sepasukan bomba dan penyelamat dari Balai Bukit Jalil bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan 12.08 tengah hari.

Menurutnya, pasukan penyelamat berjaya mengeluarkan mangsa dan membawa turun menggunakan tangga cakera putar (TTL) jam 1.12



Pasukan bomba ketika membawa turun mangsa setelah berjaya dikeluarkan dari landasan, tempat mangsa tersepit.

petang, bagaimanapun mangsa disahkan meninggal dunia kira-kira 15 minit kemudian.

"Mangsa yang pengsan dibawa ke Klinik 1Malaysia berhampiran lokasi kejadian sebelum disahkan meninggal dunia oleh doktor bertugas," katanya.

Sementara itu, seorang saksi hanya mahu dikenali sebagai Ida, 30, berkata, dia tidak menyangka bunyi riuh rendah dari landasan projek MRT yang terletak bertentangan dengan dapur rumahnya di tingkat 11 itu sebenarnya operasi menyelamat seorang mangsa

tersebut.

Katanya, ketika itu dia sedang memasak dan berada di ruang tamu sambil menonton televisyen sebelum terdengar bunyi bising di luar rumah.

"Saya sangka mereka sedang menjalankan kerja pembinaan sebelum terdengar bu-

nyai orang menjerit-jerit dari tingkat bawah.

"Saya jenguk ke bahagian belakang rumah dan terperanjat apabila melihat anggota bomba dan pekerja pembinaan sedang berkumpul," katanya.

Menurutnya, dia juga sempat merakamkan operasi me-

nyelamat itu menggunakan telefon bimbitnya dari mula hingga mangsa di keluarkan.

"Tak sangka rupanya mangsa itu meninggal dunia kerana ketika dibawa turun, saya nampak pasukan paramedik memasang alat bantuan pernafasan," katanya.



Tapak projek dimana mangsa dipercayai tersepit ketika melakukan kerja di landasan MRT.